

## Aktiviti pelajar



# Mahasiswa cemerlang di Inova, Debat Perdana Gender dan Cabaran Catur Bistari

Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraikan seramai 20 mahasiswa yang mencipta kecemerlangan dalam mencatat kejayaan 100 peratus dengan memenangi empat pingat iaitu, dua pingat emas dan dua perak serta dua daripadanya menerima Anugerah Khas dalam kategori Young Inventor (Pereka Muda) dalam Pameran 36th International Invention Show (Inova 2011) di Zagreb, Croatia.

Turut menjadi kebanggaan universiti apabila pasukan Debat Bahasa Melayu UMP yang terdiri daripada Muhammad Qusyairi Siti Aisyah Mustapha Hashim, Qamaruddin Mohd. Fauzi dan Nur Aida Faisal menjadi juara Pertandingan Debat Perdana Gender 2011 Piala Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil baru-baru ini.

Lebih membanggakan pertandingan anjuran NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia ini menyaksikan Siti Aisyah Mustapha Hashim dinobatkan pendebat terbaik keseluruhan.

Kemenangan itu membolehkan UMP membawa pulang hadiah wang tunai RM7,000 berserta piala pusingan manakala hadiah RM500 menjadi milik Siti Aisyah.

UMP terus mencipta kejayaan apabila pasukan Entrap UMP mendapat tempat pertama dalam Pertandingan Cabaran Catur Bistari IPT Peringkat Kebangsaan 2011 anjuran Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Johor Corporation (JCorp) dengan kerjasama Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAKMUM) dalam menggalakkan golongan pelajar untuk memahami selok-belok dunia perniagaan dan keusahawanan.

"Kerian yang diberikan kepada mahasiswa hari ini mungkin tidak dapat dibandingkan dengan tenaga dan usaha yang telah dicurahkan mereka dalam mengangkat nama universiti," kata Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim semasa hadir meraikan pelajar di Dewan Bankuet Canseleri, Kampus Gambang pada 17 November 2011 yang lalu.

Kata beliau, sejarah yang tercipta ini merupakan manifestasi kewibawaan dan keupayaan mahasiswa UMP untuk memaknakan kewujudan mereka dengan berkesan dan penuh kebijaksanaan.

Menurut Dato' Daing, kejayaan mahasiswa merupakan isyarat jelas bahawa mahasiswa UMP kini mampu memberi nilai tambah kepada tanda mutu universiti ini. Pencapaian

ini menajamkan deria massa untuk lebih peka menyedari kewujudan, merasai kehadiran dan mendengar suara mahasiswa.

Dalam pameran Inova 2011, mahasiswa Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Niak Jian Ran yang mewakili Petakom menerima pingat emas dan Anugerah Khas 'Novel Idea-Korea Invention News' dengan projek penyelidikannya menghasilkan gerakan tangan yang berfungsi sebagai asas tetikus seperti menggerakkan kursor tetikus ke kanan, kiri dan tengah tetikus.

Nor Hidayah Dahari daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) mewakili Kelab Perkasa mendapat pingat emas dalam menghasilkan membran asimetrik ultra turasan (Bio-mem) bagi merawat air minuman yang berkualiti rendah.

Sementara itu Azimah Saman daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) mewakili Kelab Chest mendapat pingat Perak dan Anugerah Khas (Best Invention Award - World Invention Intellectual Property Associations) dengan penghasilan warna seperti merah, hijau, biru, kuning dan ungu menggunakan sumber semula jadi seperti buah naga, cili, kunyit dan pokok seduduk bagi kegunaan bahan kosmetik seperti gincu, pemerah pipi dan pewarna mata yang bebas dari bahaya bahan kimia.